

3053

**Fenomena 2 : Siri Penerbitan
Jabatan Pengajian Melayu, Bil 2 (1993)**

12

PERKEMBANGAN DAN PERUBAHAN ADAT NEGERI SEMBILAN

Norhalim Haji Ibrahim
Jabatan Sains Kemasyarakatan
Universiti Pertanian Malaysia

Pendahuluan

Negeri Sembilan mempunyai adat tersendiri yang dikenali sebagai *adat perpatih*. Adat ini yang mengawal keseluruhan hidup masyarakat, meliputi bidang sosio-ekonomi dan politik, yang jika dibandingkan dengan sistem sosial yang diamalkan oleh masyarakat Melayu lain di Tanah Melayu menunjukkan perbezaan yang agak jelas. Antara prebezaan yang ketara ialah prinsip keturunan - di Negeri Sembilan adalah dikira dari sebelah pihak ibu. Dengan berdasarkan prinsip keturunan nasab ibu, masyarakat negeri tersebut membahagikan ahli-ahli masyarakatnya kepada kelompok kecil yang dipanggil *suku*. Suku ini pula terbahagi kepada kumpulan yang lebih kecil yang dipanggil *perut*, yang pula terpecah kepada kumpulan-kumpulan *ruang* dan *rumpun*. Tiap-tiap kumpulan ini pula diketuai oleh seorang ketua, *lembaga* untuk suku, *buapak* untuk perut, diikuti oleh *besar* dan *kadim* untuk ruang dan rumpun. Ketua-ketua mempunyai gelaran tertentu dan ini dipegang oleh lelaki, tetapi diwariskan melalui nasab ibu. Ahli-ahli kumpulan yang ditadbirkan oleh tiap-tiap ketua adat itu dirujukkan sebagai *anak buah*.

Disamping itu, masyarakat ini mengamalkan *eksogami*, iaitu larangan berkahwin dalam kelompok. Unit eksogami ini berbeza dari setempat ke setempat. Institusi perkahwinan masyarakat ini mempunyai adat istiadat atau ritual yang sofistikat dan boleh dilangsungkan dengan cara-cara yang berbeza: dari yang paling bersahaja - kahwin oleh Buapak diikuti oleh olek Lembaga, kepada istiadat yang paling istimewa iaitu, oleh Undang. Tempat tinggal selepas berkahwin bercorak *matrilokal*.

Satu lagi institusi yang wujud di Negeri Sembilan ialah tiap-tiap suku memiliki sejumlah tanah yang dikenali sebagai *tanah pusaka adat*. Tanah ini diagihkan kepada ahli suku mengikut sistem pewarisan nasab ibu. Kaum lelaki dalam masyarakat ini hanya ada *hak untuk menggunakan* tanah ini tetapi hak ini tidak diwariskan kepada anak-anak mereka. Hari ini adat Negeri Sembilan sering sekali menjadi cemuhan dan ejekan bukan sahaja oleh orang-orang luar Negeri Sembilan, terutamanya generasi muda, yang sepatutnya tahu dan faham mengenai adatnya. Malahan, pernah diketemui anak Negeri Sembilan yang tidak mahu mengaku atau mengasosiasikan dirinya dengan Negeri Sembilan. Ini mungkin mereka merasa malu dengan adat yang dianggap sebagai kolot dan ketinggalan zaman, di samping aspek-aspek lain yang mempunyai ciri negatif. Orang-orang politik dan pegawai-pegawai tadbir kerajaan di Negeri Sembilan juga menggunakan adat sebagai satu isu dan sebab berlakunya kegagalan projek atau projek-projek pembangunan dan pemodenan kerajaan.

Dengan ini sebagai latar maka adalah tujuan rencana ini untuk melihat sama ada adat itu masih kuat pengaruhnya di kalangan masyarakat Negeri Sembilan atau sebaliknya. Justeru itu, rencana ini secara ringkas akan juga melihat sejauh manakah adat ini mesti diamalkan. Di dalam mencari jawapan itu rencana ini akan cuba, secara ringkas melihat perjalanan adat ini melalui masa, sambil mengutarakan aspek-aspek tertentu yang masih kabur dan perlu penelitian mendalam.

Asal Usul Adat Negeri Sembilan

Adat ini dipercayai telah dibawa oleh orang-orang yang datang dari Sumatera. Pendapat popular, baik di kalangan anak negeri mahupun di kalangan para akademik ialah mereka datang dari Minangkabau. Tetapi, kalaulah kita teliti dari segi bahasa, bentuk rumah, dan lain-lain aspek hidup, terdapat beberapa perbezaan yang nyata di antara kedua-dua masyarakat yang dikatakan satu asalnya. Sebagai contoh, masyarakat Kampung Lukut di daerah Kota Tinggi, Johor yang berasal dari persekitaran Bemban, Negeri Sembilan; setelah berpindah ke sana pada tahun 1890, iaitu kira-kira seratus tahun yang lalu mereka masih lagi mengekalkan loghat Negeri Sembilan, adat ala Negeri Sembilan dan lain-lain aspek hidup cara Negeri Sembilan. Apa yang harus

diambil perkiraan di sini ialah kelompok yang jumlah asal hanya lebih kurang 50 orang dan dikelilingi oleh orang Johor yang menggunakan loghat Johor-Riau serta mengamalkan adat bukan adat Negeri Sembilan, telah berjaya mempertahankan identiti negeri asalnya. Dalam tempoh seratus tahun kebelakangan ini, Negeri Johor telah mengalami berbagai-bagai perubahan, tetapi mereka juga berjaya mengekalkan identiti mereka dan mempertahankan beberapa aspek cara hidup tempat asal mereka - Negeri Sembilan.

Dari kisah penempatan baru ini menunjukkan bahawa jika orang Negeri Sembilan berasal dari Minangkabau sudah tentu, walaupun telah ratusan tahun berlalu, mereka akan mempertahankan ciri dasar Minangkabau. Dari segi bahasa misalnya, loghat Negeri Sembilan berbeza dari loghat Minangkabau, dan orang Negeri Sembilan mendapati sukar untuk memahami bahasa Minang. Satu lagi lambang agung adat Minangkabau yang tidak pernah wujud di kalangan masyarakat Negeri Sembilan ialah rumah gadang. Di luak-luak adat Negeri Sembilan dan juga di Naning tidak pernah terdiri rumah gadang. Walaupun dipercayai rumah tradisi Negeri Sembilan itu sama seperti rumah gadang Minangkabau, berbumbung lentik, namun kalau dikaji seni bina bentuk rumah-rumah tua di Negeri Sembilan, baik di Rembau atau di Naning (Luak-luak adat yang terawal diterokai oleh orang pendatang) mahupun di Luak-luak lain, tidak mempunyai ciri tersebut. Walhal di Minangkabau rumah gadang itu adalah pusat dan lambang kekuatan adat, tetapi di Negeri Sembilan terdapat *rumah pusaka* yang tidak langsung membawa ciri-ciri budaya Minangkabau.

Satu perkara yang menarik perhatian ialah adat dan cara hidup orang Negeri Sembilan banyak mempunyai persamaan dengan masyarakat di kawasan timur Pulau Sumatra, terutama sekali masyarakat Siak. Tidak mustahil rasanya jika dikatakan yang orang Melayu Negeri Sembilan itu berasal dari Siak. Malahan, sehingga kini di Negeri Sembilan ada perbilangan yang berbunyi: *beraja ke Johor, bertali ke Siak, bertuan ke Minangkabau*. Setakat ini belum ada lagi penyelidikan signifikan yang dapat mengintrepretasi apakah sebenarnya maksud kalimat *bertali ke Siak* dalam perbilangan itu. Benar, ada beberapa andaian mengenainya tetapi andaian itu setakat yang diketahui belum lagi dapat dibuat kesimpulan muktamat, yang dapat diterima secara menyeluruh oleh para sarjana yang mengkaji tentang adat dan sejarah Negeri Sembilan.

Kedatangan Penghijrah Sumatra

Bilakah orang-orang Sumatra berpindah ke Negeri Sembilan juga merupakan satu persoalan yang belum terjawab dengan tepat. Kalau mengikut Newbold (1839:77) mereka telah sampai ke kawasan Negeri Sembilan pada pertengahan abad ke 12, iaitu sekitar tahun 1388 Masehi (bersamaan 773 Tahun Hijrah). Ini bermakna masyarakat migran ini telah tinggal di Negeri Sembilan paling kurangenamabad. Diakui bahawa perubahan pasti berlaku dalam tempoh yang begitu lama, tetapi prinsip atau dasar hidup/adat, misalnya institusi rumah gadang, loghat, dan sebagainya seharusnya dikekalkan. Namun di Negeri Sembilan, dasar adatnya lebih dikenali sebagai Datok Perpatih nan Sebatang (nama adat Negeri Sembilan adalah mengambil sempena nama Datok ini), iaitu *Tuah Disakato*. Apa yang jelas dari penelitian dan perbandingan ialah adat Negeri Sembilan ini mempunyai persamaan dengan *Adat Undang-undang nan Tigo* dan *Adat Elo-Baleh*, iaitu dua adat yang wujud di Minangkabau sebelum tersusunnya adat *Tuah Disakato* oleh Sutan Balun. Di samping itu, jika kita lihat pula dari segi sistem politik Luak-luak di Negeri Sembilan, didapati sistemnya agak mirip kepada sistem Koto Piliang, iaitu lareh yang diagakkan sebagai kawasan pengaruh Datuk Ketemenggungan; walaupun dalam beberapa aspek lain adat Negeri Sembilan mempunyai persamaan dengan adat Bodi Caniago, kawasan pengaruh Datuk Perpatih nan Sebatang.

Persoalan yang ingin dikemukakan daripada huraian ringkas di atas tadi ialah mengenai penentuan kedatangan orang Sumatra ke Negeri Sembilan: bila mereka datang, siapa yang datang dan juga apakah agama yang mereka anuti semasa itu?

Satu lagi persoalan yang hingga kini masih belum mendapat jawapan ialah mengenai sambutan masyarakat terhadap mereka. Seiring dengan persoalan itu, harus juga ditentukan masyarakat yang sedia ada di Negeri Sembilan. Perbilangan adat, khususnya yang terdapat di Luak Rembau, masyarakat menanti ini dibilangkan sebagai: *gagak hitam, gagak semui turun di bukit berkaki empat*. Cerita lisan orang-orang tua mengatakan telah berlaku perkahwinan campuran antara pendatang (yang dibilangkan sebagai: *bangauputih datang dari laut berkepak sayap*) dengan orang tempatan. Dari kenyataan ini harus pula dilihat apa yang terjadi apabila berlaku pertembungan antara dua budaya itu. Adakah hasil dari proses

pertembungan ini telah memusnahkan ciri loghat, ciri seni bina bangunan rumah gadang serta ciri-ciri lain adat Minangkabau, dan wujudlah apa yang dipercayai sebagai adat Negeri Sembilan?

Kedatangan Budaya Barat

Telah enam abad orang Sumatra sampai ke Negeri Sembilan. Dalam tempoh masa tersebut masyarakat Negeri Sembilan telah bertembung dengan berbagai-bagai bentuk dan corak sistem hidup. Antaralain, pertamanya pertembungan dengan orang tempatan, dengan kerajaan Melayu khususnya kerajaan Melaka dan diikuti oleh Johor; di samping berinteraksi dengan peniaga bangsa-bangsa asing, seperti orang-orang China dan India. Ini diikuti pula pertembungan dengan sistem hidup barat yang diwakili oleh Portugis, Belanda dan akhirnya Inggeris. Antara ketiga bangsa barat itu, pengaruh budaya Portugis dan Belanda mungkin tidak seberapa jika dibandingkan dengan pengaruh budaya Inggeris. Inggeris telah mengambil alih dan mempengaruhi hampir kesemua aspek hidup masyarakat Melayu, khususnya masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Inggeris berjaya melakukannya kerana mereka telah menduduki Tanah Melayu untuk selama lebih kurang tiga abad. Dalam tempoh inilah budaya Inggeris berakar berumbi dalam jiwa dan sanubari orang-orang Melayu. Antara faktor yang menjadi talian kepada masuknya pengaruh ini ialah sistem-sistem pendidikan, politik dan ekonomi. Hasilnya, tertulislah sejarah dan aturan adat Negeri Sembilan (atau lebih tegas Luak-luak di Negeri Sembilan), berubahlah beberapa aspek peraturan adat, hilanglah sistem ekonomi pertanian (sawah) sara diri masyarakat Melayu Negeri Sembilan serta bertukarlah beberapa corak kehidupan masyarakat. Kesemua inilah yang menjadi dasar kepada perkembangan adat dan masyarakat Melayu Negeri Sembilan selanjutnya.

Penulisan Adat Negeri Sembilan

Sehingga kedatangan Inggeris tidak ada penulisan atau catatan mengenai aturan adat Negeri Sembilan. Ada juga terdengar mengenai *terombo* adat yang bertulis tangan dan berkulitkan kulit kambing, tetapi hari ini hal ini hanya tinggal dalam bentuk cerita sahaja. *Terombo* seperti yang dikatakan ini sememangnya ada,

sekurang-kurangnya senaskah pernah dijumpai di Rembau kurang lebih 25 tahun yang lalu. Tetapi ketika itu untuk mendapatkannya adalah suatu yang sukar dan hampir mustahil. Naskhah itu dianggap sebagai bahan *keramat* - dibalut dengan kain kuning, dan memerlukan perasapan untuk membukanya. Dua tahun yang lalu, terombo ini telah musnah; yang tinggal hanya kain kuning pembalutnya yang telah reput. Sama ada terombo ini terombo yang ditulis sebelum kedatangan Inggeris tidak dapat dipastikan, yang perlu diselidik sekarang: masih adakah terombo yang sedemikian di Negeri Sembilan?

Ketiadaan bahan bertulis mengenai adat ini ialah kerana ia diturunkan secara lisan. Penurunan secara lisan ini memungkinkan berlakunya penambahan dan peninggalan fakta. Peraturan adat itu diturunkan dalam satu situasi yang berkaitan, dan satu situasi itu tidak selalu sama dengan situasi yang lain. Penurunan adat secara lisan juga tidak menyeluruh. Apabila berlaku satu keadaan yang berlainan dari yang dialaminya, seseorang akan menggunakan pertimbangannya, berdasarkan kepada pengetahuannya sendiri untuk menyelesaikan masalah. Lantaran itu, intepetasi yang dikemukakan mungkin sebenarnya mengikut aturan adat, adat sebaliknya. Tegasnya, dalam sistem adat ini tidak ada pembelajaran secara formal mengenainya. Ini memberi ruang dan peluang untuk generasi baru memberikan cara dan intepetasi baru pula. Dengan itu berlaku perubahan. Pada hari ini proses penurunan secara lisan itu tidak dapat lagi dilaksanakan dengan berkesan. Pertama, generasi muda kurang berminat mempelajarinya. Kedua, generasi tua yang tahu serba sedikit mengenai adat telah tiada lagi. Kalau adapun, keadaan daya ingatan mereka sudah kabur dan dengan ini mereka tidak lagi dapat memberi sumbangan yang lengkap kepada mereka yang ingin tahu dan kepada para pengkaji adat.

Disamping itu, hampir kesemua peraturan adat ini terlukis dalam bentuk perbilangan. Kata-kata perbilangan ini disulami dengan berbagai-bagai lambang dan kadangkala mempunyai maksud berlapis. Sebagai lambang, kata-kata itu boleh ditafsirkan dengan berbagai-bagai cara, walaupun pada asalnya ia mungkin memberikan makna tertentu sahaja. Begitu juga halnya dengan kata-kata perbilangan yang mempunyai maksud berlapis. Dengan ketiadaan mereka yang mahir, pengertian dan tujuan kata-kata perbilangan yang membawa peraturan adat akan disalahertikan.

Peredaran masa dan dengan adanya pula corak sosialisasi budaya baru, berkemungkinan lambang-lambang itu berubah dan akhirnya generasi yang terkemudian telah menyelewengkan langsung makna atau pengertian asalnya. Jadi, walau apapun yang terjadi, dalam mengintrepetasikan sistem lambang dan kata berlapis perbilangan ini, satu perkara telah menonjol, iaitu adat itu boleh dan telah menerima perubahan. Perubahan dari segi maksud dan makna ini telah memungkinkan pula berlakunya perubahan dari segi peraturan, dan sebagainya.

Apabila Inggeris datang dan menjajahi negeri-negeri Melayu yang menganggotai *persatuan Negeri Sembilan* demi kepentingan politik dan ekonomi, mereka telah juga memberi intrepetasi baru terhadap peraturan dan perjalanan adat. Selain memberi pengertian baru, mereka telah juga mendokumentasikannya dalam bentuk tulisan, sama ada bentuk buku atau rencana. Antara lain kita lihat terbitnya penulisan oleh Newbold (1834), Hervey (1884), Lister (1887, 1891), Parr dan Mackray (1910), Caldecott (1912), Wilkinson (1911), de Maubray* (1931) dan Winstedt (1934). Sejak itu, penulisan-penulisan inilah yang menjadi panduan kepada masyarakat Melayu Negeri Sembilan dalam menjalankan peraturan adat dan adat istiadat mereka.

Sebagai contoh, lihat sahaja perjalanan adat di Luak Rembau. Sejauh yang diketahui, kebanyakan daripada ketua-ketua adat di sana menggunakan buku Abas Haji Ali, *Rembau: Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadatnya* (1953) sebagai panduan dan rujukan. Hakikatnya sebahagian besar daripada isi buku ini adalah terjemahan rencana Parr dan Mackray (1910). Penambahan yang diberikan adalah cacatan sejarah yang berlaku di antara penulisan asal dengan zaman penterjemah. Itupun hanya pada beberapa aspek tertentu; jadi tidak menyeluruh.

Apa yang ingin diutarakan di sini ialah apakah yang ditulis oleh pegawai-pegawai Inggeris mengenai adat itu sebenarnya menggambarkan keadaan perjalanan, aturan dan susunan adat yang sebenar? Itukah sistem sosial masyarakat orang Negeri Sembilan sebelum masuknya Inggeris? Atau adakah apa yang ditulis oleh Inggeris itu merupakan satu intrepetasi dari pemikiran dan kaca mata barat; berdasarkan undang-undang dan sistem sosial barat? Besar kemungkinan bahawa sistem adat, organisasi sosial, budaya dan aspek-aspek lain yang dihuraikan

oleh penulis barat dalam abad ke-19 dan 20 itu bukannya sistem yang wujud di Negeri Sembilan sebelumnya. Dalam kebanyakan kes, ciri kebaratan inilah yang banyak mempengaruhi penulis dan pengetahuan masyarakat Negeri Sembilan mengenai adatnya.

Perundangan Adat dan Barat

Inggeris tidak sahaja telah memberi intepetasi sistem adat dilihat dari kacamata budaya mereka tetapi lebih lanjut mereka juga telah memasukkan elemen barat ke dalam peraturan hidup masyarakat Negeri Sembilan. Peraturan yang jelas sekali diubah agar sesuai dengan selera penjajah ialah pewarisan tanah.

Sebagai yang dimaklumi, organisasi sosial adat perpatih bermula dari satu sistem ekonomi pertanian sara diri yang berasaskan usaha bercucuk tanam, khasnya tanaman padi, dan mengutip serta meramu hasil alam semula jadi merupakan mata pencarian yang utama. Oleh yang demikian, masyarakat ini sangat mementingkan tanah pertanian dan juga tanah hutan yang disisi aturan adat, dipunyai bersama.

Sebagaimana dikatakan di awal tadi, tanah di Negeri Sembilan adalah diwarisi oleh kaum wanita. Pada amnya Inggeris menentang keseluruhan sistem pewarisan ini. Mereka melihatnya sebagai suatu sistem yang terasing dan ganjil. Hak atas tanah berada dalam tangan wanita dan mengenepikan hak lelaki (Peletz, 1983:235). Dengan itu dan atas sebab-sebab lain juga, pada tahun 1909 kerajaan British telah secara langsung mencampuri sistem ini dan memperkenalkan serta meluluskan *Customary Tenure Enactment*. Perlaksanaan Enectment ini telah membawa perubahan yang menyeluruh ke atas sistem adat Negeri Sembilan. Antara lain:

- a) Keluasan tanah adat tidak bertambah,
- b) Tanah tidak lagi *milik bersama* tetapi menjadi milik individu.
- c) Inggeris berjaya mengenepikan tanah-tanah kosong untuk kegunaannya.
- d) Menggalakkan orang lelaki memiliki tanah sendiri dan ini secara tidak langsung menggalakkan para suami untuk mendapatkan tanah yang bebas daripada pengaruh isteri saudara maranya. Tegasnya, tanah tidak akan menjadi tanah pusaka.

- e) Undang dan lembaga Negeri Sembilan kehilangan hak ke atas tanah kosong di luak dan suku masing-masing.

Secara tidak langsung perubahan sistem pewarisan tanah di Negeri Sembilan mengikut sistem ala barat dan ini telah menggalakkan penguasaan individu dan bukannya kelompok keluarga ke atas tanah kepunyaan orang Melayu yang masih belum dikategorikan sebagai tanah adat. Perkembangan ini memberi kesan ke atas kedinamikan tuan tanah di kalangan orang Melayu Negeri Sembilan. Ia telah mengecilkan kuasa politik dan ekonomi suku kerana kehilangan harta yang produktif. Di samping itu, injap keselamatan demi memperluaskan bidang tanah pertanian apabila berlaku pertambahan penduduk suku atau keperluan tertentu sesebuah keluarga di dalam sesuatu suku telah tertutup. Pengecilan tanah yang drastik dan perlanjutan menghadkan sumber tanah yang ada pada sesuatu suku itu telah mengakibatkan tekanan dan menambahkan ketidakseimbangan dalam pengagihan hak milik tanah. Secara tidak langsung keadaan ini telah *memaksa* ahli-ahli suku untuk berhijrah ke luar mencari sumber pendapatan baru (Norhalim, 1989:12).

Proses penghijrahan keluar ini telah menjadi semakin ketara pada akhir-akhir ini, terutama sekali di dua daerah yang dikatakan sebagai kuat dengan adat di Negeri Sembilan, iaitu Rembau dan Kuala Pilah. Dari jadual I di bawah didapati bahawa dalam tempoh antara tahun 1970-1987 kedua-dua daerah ini telah mengalami penghijrahan keluar penduduknya lebih daripada 35 peratus. Kadar ini sangat tinggi jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain di Negeri Sembilan, malahan dari negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Salah satu akibat daripada penghijrahan ini ialah wujudnya tanah terbiar, terutama tanah adat, di Negeri Sembilan. Dan kepada agen-agen perubahan, dalam kes ini, adat yang dipersalahkan. Keluasan tanah terbiar di Negeri Sembilan pada masa ini adalah lebih kurang 14, 172 hektar iaitu lebih kurang dua peratus daripada keseluruhan jumlah tanah Negeri Sembilan.

Jadual I

**Penghijrahan Penduduk Negeri Sembilan
Berdasarkan Daerah antara 1970-1987**

Daerah	1970 (disesuaikan)	1987 Per- tumbuhan	Sebenarnya	Per- pindahan 1970-1987	Peratus pindahan 1987
Jelebu	34,325	49,030	40,490	(8,540)	(17.42)
Jempol	44,027	61,650	111,460	59,810	80.79
Kuala Pilah	76,526	109,140	70,800	(38,340)	(35.13)
Port Dickson	79,625	111,420	88,410	(22,710)	(20.44)
Rembau	41,608	60,330	38,180	(22,150)	(36.71)
Seremban	176,441	251,210	228,330	(22,880)	(9.11)
Tampin	50,239	73,170	67,450	(57,720)	(7.82)
Jumlah	502,845	715,650	645,120	(70,530)	(9.85)

Sumber: Community Group, 1970 Population and Housing Census of Malaysia, Department of Statistics Malaysia, Kuala Lumpur.
Fifth Malaysia Plan, 1986-1990.

Masalah tanah terbiar ini bukan sahaja masalah di Negeri Sembilan. Ia adalah masalah negara. Kalau kita lihat jadual II di bawah, berbanding dengan keluasan tanah terbiar di Semenanjung Malaysia, jumlah tanah terbiar di Negeri Sembilan adalah yang paling sedikit. Malahan ia lebih sedikit daripada keluasan tanah terbiar di negeri-negeri yang lebih kecil daripada Negeri Sembilan, seperti Perlis, Melaka dan Pulau Pinang. Jadi, kalaulah negeri-negeri lain juga mempunyai tanah terbiar maka dapatlah kita simpulkan bahawa bukannya adat yang menjadi punca utama tanah terbiar di Negeri Sembilan. Pasti ada sebab lain.

Kalaulah sistem pecahan tanah yang menjadi punca, atau hak milik tanah telah menjadi terlalu kecil iaitu sehektar tanah dipunyai oleh lebih daripada 10 orang, yang salah bukannya sistem adat, tetapi adalah peraturan pewarisan tanah pusaka yang dirancang oleh Inggeris (Cap. 215) yang menyebabkannya begitu, seperti yang dinyatakan di bawah ini.

Dalam kes ini, perkara yang harus dipersoalkan adalah sebaliknya, iaitu bagaimana adat, yang terkenal dengan ciri-ciri pembahagian tenaga kerja, kerjasama dan koporatnya dapat membantu mengusahakan tanah itu. Malah kalau kita berbalik kepada falsafah kerja adat tradisi, dan ketua-ketua adat: lembaga dan buapak pula memainkan peranan masing-masing, sudah pasti tanah adat di Negeri Sembilan tidak akan terbiar (Lihat Norhalim, 1988a). Tetapi, akibat dari proses sosialisasi adat yang tidak lengkap dan tiada pembelajaran formal mengenainya, serta kehilangan kewibawaan ketua-ketua adat akibat berkembangnya sistem sosio-ekonomi dan politik barat dan *modern*, ramai daripada ketua adat di Negeri Sembilan hari ini kurang masak dengan struktur dan organisasi adat. Tambahan pula dengan adanya sifat korupsi dan mementing diri sendiri di kalangan ketua adat (Abdullah Hj. Dahan, 1920: 25).

Konflik Adat

Kita lihat sejak kedatangan Inggeris, telah wujud proses ketidaksinambungan adat itu dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Namun, dari segi politik, secara beransur ia masih berterusan. Kata adat, dari segi politik: patah tumbuh, hilang berganti. Namun, dalam proses *tumbuh* bagi yang patah, dan *berganti* bagi yang hilang, bermacam-macam konflik telah timbul. Misalnya, dalam perlantikan Undang. Di Jelevu, apabila Undang yang ke 14 meninggal dunia pada akhir tahun 1979, satu krisis perlantikan telah timbul. Krisis ini berlarutan sehingga tahun 1981 dan pernah pula diseret ke Mahkamah. Begitu juga halnya di Johol dan perlantikan Datuk Shahbandar Sungei Ujong. Krisis perlantikan Undang Sungei Ujong yang bermula pada Oktober 1983 sehingga ke hari ini Ogos 1989 masih belum dapat diselesaikan lagi.

Jadual II

Keluasan Tanah Terbiar di Semenanjung Malaysia
1988 (Hektar)

Negeri	Sawah	Sawah	Jumlah
1. Kedah	7,338.6	125,017	132,355.6
2. Kelantan	35,413.1	77,648	113,061.1
3. Perak	13,732.5	56,840	70,572.5
4. Terengganu	19,494.8	45,002	64,596.8
5. Pahang	22,026.3	19,075	41,101.3
6. Selangor	1,720.0	26,029	27,749.0
7. Perlis	1,580.3	24,189	25,769.3
8. Johor	2,898.5	17,748	20,646.5
9. Melaka	6,584.0	13,015	19,599.0
10. P. Pinang	4,338.6	15,221	19,238.1
11. N. Sembilan	10,450.8	8,333	18,783.8

Sumber: Lembaga Kemajuan Tanah dan Wilayah, seperti yang dilaporkan dalam *Berita Harian*, 13 Februari 1989:1

Mengapa demikian keadaannya? Adakah adat itu yang salah atau pengamalannya yang menyeleweng? Adat sebagai ideologi tidak mungkin salah, malahan adat itu sendiri berfalsafah *sekali air bah sekali pasir berubah; sekali raja mangkat sekali adat beralih; sekali tahun beredar sekali musim bertukar, dan usang-usang diperbaharui; yang senting dilabuhkan; yang panjang dikerat; yang rampang disisik*. Kesemua ini menyatakan bahawa adat itu sentiasa menerima perubahan. Tegasnya adat itu adalah dinamik.

Proses penerapan antara nilai budaya sendiri dengan nilai budaya barat tidak berjalan seimbang, iaitu berat sebelah - lebih berat kepada nilai barat. Akibatnya, timbul salah faham dan ini diikuti pula dengan sikap mementingkan diri. Dalam keadaan yang demikian, berlaku pula campur tangan pihak Inggeris dalam usahanya untuk memasukkan Luak Rembau (Luak yang terakhir di Negeri Sembilan yang masuk ke bawah penjajahan Inggeris) ke bawah pentadbirannya pada tahun 1883 (Thio, 1969: 40, Khoo Kay Kim, 1972: 148-50). Punca utama berlakunya kesemua ini adalah disebabkan oleh mementingkan diri sendiri dan membelakangkan peraturan adat.

Adat Istiadat

Satu lagi aspek adat yang membezakan adat Negeri Sembilan dengan masyarakat lain ialah adat istiadat. Pada zaman tradisi, ritual-ritual adat dalam sesuatu perayaan, itu sangatlah kompleks. Ketua-ketua adat memainkan peranan penting dalam setiap ritual itu. Tanpa kehadiran ketua adat berserta dengan alat kebesarannya majlis tidak akan berlangsung; kalau berlangsung juga, tuan rumah akan dikenakan *hukuman*. Hari ini, selepas terdedahnya anak-anak negeri kepada nilai-nilai dan norma-norma baru, ritual dan peralatan ini hilang begitu sahaja.

Sebagai contoh kita lihat adat istiadat perkahwinan. Adat perkahwinan di Negeri Sembilan terdiri daripada tiga jenis, iaitu *olek buapak*, *olek lembaga* dan *olek undang*. Tiap-tiap satu jenis itu mempunyai keistimewaan tersendiri dan yang paling istimewa ialah *olek Undang*, yang berlangsung untuk selama lima hari lima malam. Setiap hari harus diadakan upacara-upacara tertentu pula. Di dalam setiap majlis perkahwinan, kata perbilangan memainkan peranan penting, di samping peralatan, seperti nasi panca, tepak sirih, dan sebagainya. Sehingga tahun 1930-an dalam majlis perkahwinan ada pula *pengantin kecil*, iaitu budak kecil diberi pakaian seperti pengantin dan menjadi suluh jalan kepada pengantin lelaki. Tetapi hari ini, perkahwinan di Negeri Sembilan tidak ada bezanya dengan sebarang majlis perkahwinan di luar adat perpatih. Segala peralatan tradisi dan kata perbilangan tidak lagi diamalkan. Antara sebabnya ialah ketiadaan lagi peralatan tersebut dan tidak ada lagi orang yang lancar menggunakan kata-kata perbilangan. Ketua-ketua adat yang hadir di majlis

perkahwinan tidak lagi berperanan. Kehadiran mereka adalah sebagai tetamu biasa. Kalau ketua adat tidak hadir pun, tidak menjadi kesalahan bagi pihak tuan rumah.

Sebaliknya, orang Negeri Sembilan hari ini telah mengambil adat luar, seperti mengadakan wang hantaran dan barang-barang hantaran, iaitu sesuatu yang tidak wujud sebelum tahun 1960-an. Begitu juga upacara *menyalang*, iaitu melawat dan berkenalan dengan saudara-mara pihak lelaki dan perempuan dengan berbekalkan dodol. Upacara ini dijalankan sehari dua selepas majlis perkahwinan dan berlangsung untuk beberapa hari, kadangkala untuk beberapa minggu berdasarkan kepada ramai ahli keluarga yang hendak dilawati dan dikunjungi. Hari ini, pengantin hanya berkenalan dengan saudara-mara kedua-dua belah pihak pada hari perkahwinan itu. Justeru itu, perkahwinan dan adat istiadat lain di Negeri Sembilan hari ini tidak lagi menampakkan kelainan daripada upacara-upacara yang sama di luar Negeri Sembilan.

Kesimpulan

Huraian yang ringkas di atas nyatalah bahawa adat Negeri Sembilan telah melalui proses perubahan yang dinamik. Malahan, dapat dikatakan bahawa hampir keseluruhan aspek sosio-ekonomi adat Negeri Sembilan hari ini telah tidak diamalkan lagi. Apa yang masih wujud hanyalah struktur politiknya. Dalam aspek ini, mungkin akibat nostalgia, iaitu apabila berlaku sebarang kekosongan dalam struktur kepimpinan adat, maka berlakulah perebutan. Oleh sebab ahli-ahli masyarakat tidak lagi mempunyai kefahaman mutlak mengenai adat dan juga oleh sebab percanggahan dan kekaburan penulisan mengenainya, krisis itu sering menjadi berlarutan. Apabila memegang jawatan adat, mereka tidak lagi berfungsi sebagaimana masa lalu melainkan dalam hal-hal yang berkaitan dengan tanah adat. Ini pun hanya terhad kepada lembaga dan kadangkala Undang dan mereka ini terpaksa bekerjasama dengan pegawai-pegawai pentadbiran moden seperti, Pegawai Daerah. Ketua-ketua adat kategori lain hampir tidak berperanan langsung.

Dalam proses perkembangan dan perubahan ini kita mesti akui bahawa kemasukan nilai budaya barat dalam kehidupan

ahli-ahli masyarakat Negeri Sembilan adalah ekstensif. Ini berlaku melalui televisyen dan radio, iklan, berita dan penerbitan budaya popular, kehadiran barangan barat di pasaran, sistem pendidikan formal dan peluang pekerjaan. Sikap dan nilai baru telah memberi kesan dalam hampir semua aspek kehidupan orang Melayu Negeri Sembilan, tetapi yang lebih jelas ialah yang berkaitan dengan idea masyarakat mengenai kerja dan pemakaian atau kepenggunaan, pendidikan dan jangkaan perhubungan antara manusia, termasuk antara lelaki dengan perempuan.

Akhir sekali, walaupun pada hari ini sistem adat Negeri Sembilan tidak diamalkan oleh masyarakatnya sendiri, adalah dirasakan perlu untuk mengkajinya semula. Kita harus menghargai setiap warisan kita kerana warisan inilah yang memberikan kita identiti. Malahan kita boleh menimba segala ilmu, idea dan teladan daripada warisan tersebut untuk membina dan menegakkan kemajuan, kerana adat perpatih ini kaya tentang falsafah dan idea, tinggi murtabatnya dan terbukti pula kegunaannya. Sayangnya, warisan yang amat berharga ini tidak lagi dijaga dan 'dipupuk, tetapi dibiarkan luput dan reput dimakan zaman. Jika ini tidak dapat dilaksanakan, paling tidak ia tidak dikekalkan, agar dapat meragami lagi corak budaya masyarakat Malaysia untuk perhatian pelancong-pelancong luar negeri.

Rujukan

- Abas Hj Ali. 1953. *Rembau: Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadatnya*, Rembau.
- Abdullah Hj Dahan, "Datok Sedia Raja". 1924. *Memorandum by Undang of Rembau*, U.R. 40-1924.
- Abdul Samad Idris, Tan Sri Datuk. 1988. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur.
- Aziz Khamis. 1936. "Adat Kuala Pilah", *JMBRAS*, 14 (3).
- Braddell, T. 1953. "Notes of a Trip to the Interior from Malacca", *JIAEA*, 7.
- Caldecott, A. 1912. "Jelebu: Its History and Constitution", *PMS*.

- Dahlan Hj Aman. 1983. "Adat dalam Masyarakat Melayu", *Ilmu Masyarakat*, 2.
- _____. 1984. "Sistem Ide dalam Masyarakat Adat". *Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*, UPM.
- de Josselin de Jong, P.E., 1951. *Minangkabau and Negeri Sembilan*, Leiden.
- Hooker, M.B. 1969. "The Relationship between Adat and the State Constitution of Negeri Sembilan", *JMBRAS*, 42 (2).
- Khoo Kay Kim. 1972. *The Western Malay States, 1850-1873*, Kuala Lumpur.
- Newbold, T.J.M. 1834. "Sketch of the Four Menangkabowe State in the Interior of the Malayan Peninsula", *Notices of the Indian Archipelagi*.
- _____. 1839. *British Settlements in the Straits of Malacca*. London.
- Norhalim Hj Ibrahim. 1976. "Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau", Tesis M.A., Universiti Hull.
- _____. 1977. "Social Change in Rembau", *JMBRAS*, 50 (2).
- _____. 1983. "Negeri Sembilan: Adat Perpatih or Adat Temenggong", *Ilmu Masyarakat* I.
- _____. 1983 (b). "Adat Perpatih and Adat Temenggong: A Review", *Sari*, 1(2).
- Norhalim Hj Ibrahim. 1984. "Sistem Sosial Adat Perpatih Negeri Sembilan", *Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*, UPM.
- _____. 1988a. "Tanah Adat Terbiar di Zaman Pembangunan", *Seminar Kooperasi Titian Bintangor*, Rembau.

- _____. 1988b. "Negeri Sembilan Sebagai Identiti Sosio-Budaya yang Unik", *Seminar Identiti Budaya Negeri Sembilan*, Seremban.
- _____. 1988c. **Social Structure and Organization: A Preliminary Paper**, Subang Jaya.
- _____. 1988d. "Some Observation on Adat and Adat Leadership in Rembau" *Southeast Asian Studies*, 26(2).
- _____. 1989. "The Negeri Sembilan Adat Through Time with Special Reference to Rembau", *Malay Seminar*, Kyoto.
- Parr, C.W.C. dan Mackray, W.H. 1910. "Rembau, One of The Nine States", *JSBRAS*, 56.
- Peletz, M. 1983. "A Share of The Harvets": Ph. D. Dissertation, The University of Michigan.
- Swift, M.G. 1965. **Malay Peasant Society in Jelebu**, London.
- Thio, E. 1969. **British Policy in The Malay Peninsular**, Kuala Lumpur.
- Wilkinson, R.J. 1911. "Notes on Negeri Sembilan", *PMS*.
- Winstedt, R.O. 1934. "Negeri Sembilan: The History, Policy and Beliefs", *JMBRAS*, 12(3).
- Wong, D.S.Y. 1977. **Tenure and Land Dealings in The Malay State**, Singapore.
- Zainal Kling. 1984. "Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat", *Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*, UPM.
- Zulkeply Dahalan. 1984. "Konflik dalam Pemilihan Ketua Adat", *Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*, UPM.